

29/11/07.

Orogenic group sasar hasil RM156j tahun depan

KUALA LUMPUR 28 Nov. - Penyedia minyak dan perkhidmatan, Orogenic Group, menjangka hasilnya akan meningkat kepada RM156 juta menjelang tahun depan dari RM120 juta sekarang.

Menurut Pengerusi Eksekutifnya, Ahmad Ziyad Elias, 60 peratus daripada hasil itu ialah dari pasaran tempatan dan 40 peratus daripada operasi seberang laut.

"Kami mengeksport perkhidmatan kami ke seberang laut. Di rantau ini, kami sudah berbuat demikian selama kira-kira dua tahun.

"Kami secara perlahan-lahan menembusi pasaran Eropah dan telah memulakan operasi di China dan India," katanya pada majlis pemetralan perjanjian pinjaman Al-Bai Bithaman Ajil dengan Bank Pembangunan Malaysia Bhd. di sini hari ini.

Pinjaman itu ialah bagi anak syarikatnya, Ageo Marine Sdn. Bhd., untuk membeli kapal berharga RM30 juta. Ia kini sedang dibina di Sibu, Sarawak dan dijangka disiapkan pada Mei 2008.

Hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Husni Mohd. Hana.

- Bernama